



UB 24.11.2013 A6

KELIHATAN, Tun Juhar dan Toh Puan Hajah Norlidah melawat pameran yang diadakan.

HADIR: Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah yang juga merangkap Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Haji Mahiruddin dan isteri Toh Puan Datuk Seri Panglima Hajah Norlidah Datuk RM Jasni telah menghadiri Majlis Perasmian Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kali Ke-15 yang diadakan di Padang Kawad UMS, Kota Kinabalu, di sini.

Tamu Gadang yang diadakan hampir setiap tahun adalah bersempena dengan Majlis Konvokesyen UMS yang berlangsung kelmarin dan ia juga sebagai meraikan graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka di UMS.



GIMIK perasmian oleh Tun Juhar.